

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 ( 20 )

**PROGRAM SEKSYEN 52 BANDAR SIHAT, SELAMAT DAN BERBUDAYA**  
**Program mempromosikan Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Program Seksyen 52 Bandar Sihat, Selamat dan Berbudaya bermula 29 Mac hingga 1 April 2014 sebagai usaha menghidupkan dan menceriakan lagi Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Pusat Bandar Seksyen 52 ialah *central business district* bagi bandar raya Petaling Jaya, yang menjadi tumpuan utama warganya sebagai pusat komersil dan menempatkan pelbagai pejabat agensi kerajaan termasuk MBPJ sendiri dan syarikat swasta.

Nilai dan sejarahnya yang tersendiri telah menjadikan Seksyen 52 sebagai salah satu sasaran MBPJ ke arah merealisasikan 'Petaling Jaya, Sebuah Bandar Raya Mampan Menjelang 2030' (*Sustainable Petaling Jaya 2030*).

Penganjuran program ini juga ialah salah satu aktiviti di dalam penyusunan kalendar tahunan *Petaling Jaya International Fair 2014* yang menampilkan tema berbeza pada setiap bulan.

Tiga aktiviti utama yang dilaksanakan di bawah program ini ialah Bazar Kraf Selangor 2014, *PJ Safe... Safety For All* dan *PJ Car Free Day* (Hari Tanpa Kereta) yang bertujuan membentuk masyarakat yang lebih sejahtera untuk masa hadapan yang lebih baik.

Bazar Kraf Selangor 2014 ialah sebagai platform memperkenalkan produk kraftangan tradisional seperti songket, batik, kraftangan kayu dan lain-lain sebagai produk pelancongan serta menjadikannya tarikan pelancong di peringkat tempatan dan luar negara.

*PJ Safe... Safety For All* yang bertemakan Keselamatan Wanita Teras Masyarakat Sejahtera menumpukan aspek-aspek keselamatan khususnya kepada kaum wanita yang diharapkan dapat melahirkan sebuah masyarakat yang prihatin dan berpengetahuan mengenai isu-isu keselamatan.

*PJ Car Free Day* iaitu hari bebas tanpa kenderaan bermotor seperti kereta, motor dan lain-lain ialah peluang kepada pengunjung untuk beriadah dan berekreasi tanpa halangan daripada kenderaan bermotor di Jalan Yong Shook Lin.

Sebahagian Jalan Yong Shook Lin akan di lencongan ke Jalan Taman melalui Menara Choy Fok Onn bagi laluan kenderaan mulai 30 Mac 2014 (Ahad) bermula pukul 6.00 pagi sehingga 2.00 petang.

Selain aktiviti berbasikal seperti *Fun Ride*, pertandingan *Sprint King Bike*, basikal teksi dan sewaan basikal, *PJ Car Free Day* juga menawarkan aktiviti sukan *Skateboard* dan *Roller Blade* serta permainan *Shooting Target @ Target Range*, dam dan catur gergasi kepada pengunjung.

Aktiviti-aktiviti ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pengunjung tentang amalan gaya hidup yang lebih sihat dan mesra alam dan kepentingan menjaga alam sekitar.

Program ini bertujuan untuk menggalakkan warga Petaling Jaya khususnya, mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian sebagai mod pengangkutan dan seterusnya dapat mengurangkan pengeluaran asap kenderaan yang berlebihan.

Selaras dengan peningkatan karbon dioksida di bandar-bandar besar seluruh dunia, MBPJ telah mengambil inisiatif tanggungjawab sosial dengan melaksanakan *Low Carbon Cities Framework* (LCCF) bagi menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah pada masa akan datang.

Pelaksanaan LCCF ialah sejajar dengan sasaran kerajaan untuk mencapai pengurangan 40 peratus dalam pelepasan karbon menjelang tahun 2020 dan *PJ Car Free Day* dapat menjadi antara pencetus pencapaian sasaran tersebut.

Program hari ini diharap akan dapat memberi manfaat serta menjalinkan kerjasama yang lebih erat di antara MBPJ, komuniti dan pihak-pihak lain dalam melahirkan suasana persekitaran yang harmoni dan selamat untuk didiami di dalam bandar raya Petaling Jaya yang dicintai.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung program ini bolehlah terus menghubungi Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ melalui talian 03-7956 3544 sambungan 364 atau Bahagian Pelancongan, Sukan Prestasi Tinggi dan Kebudayaan, MBPJ melalui talian 03-7781 0178.

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Tarikh : 30 Mac 2014.

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 206/208,  
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))